

**Malaysia Usahakan Peningkatan Jumlah Dagangan Dengan Uzbekistan - Duta Bernama**  
**4 Mei, 2014**  
**Oleh Abdul Muin Majid**

TASHKENT, 4 Mei (Bernama) -- Pejabat Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) di sini akan meneruskan usahanya untuk meningkatkan kesedaran tentang apa yang boleh ditawarkan oleh Malaysia dari segi produk dan perkhidmatan kepada Uzbekistan dengan harapan dapat meningkatkan jumlah dagangan.

Duta Malaysia ke Uzbekistan, Abdul Aziz Harun, berkata meskipun wujud persaingan daripada negara-negara lain dalam menjalankan perniagaan dengan negara ini, namun Malaysia pastinya mempunyai kekuatannya sendiri untuk menghadapinya.

"Jika kita boleh meyakinkan kalangan perniagaan di sini selanjutnya bahawa produk kita berkualiti tinggi dan ditawarkan pada harga yang berdaya saing, seharusnya tiada masalah bagi syarikat-syarikat Malaysia untuk menembusi pasaran Uzbekistan seterusnya," kata beliau.

Abdul Aziz berkata demikian kepada media Malaysia yang membuat liputan lawatan rasmi selama empat hari oleh, Tan Sri Muhyiddin Yassin, ke Uzbekistan menjelang ketibaan Timbalan Perdana Menteri itu ke Tashkent Ahad petang.

Beliau menegaskan bahawa Malaysia menghadapi persaingan perniagaan daripada negara-negara seperti China, tetapi Malaysia "mempunyai kedudukan selesanya sendiri" di Uzbekistan, negara yang dikelilingi daratan dan berkongsi sempadan dengan Afghanistan, Kazakhstan, Kyrgyzstan, Tajikistan dan Turkmenistan, dengan penduduk berjumlah lebih 30 juta.

Data-data rasmi menunjukkan perdagangan dua hala antara Malaysia dan republik Asia Tengah ini pada 2013 berjumlah US\$71.46 juta, yang banyak memihak kepada Malaysia.

Malaysia mengeksport produk bernilai US\$69.83 juta ke Uzbekistan, iaitu barangan elektronik dan elektrik, makanan diproses, minyak sawit dan sayuran, produk koko, perkakasan jentera dan keluaran getah.

Uzbekistan mengeksport produk kimia dan perkhidmatan bernilai US\$1.63 juta ke Malaysia.

Pelaburan Malaysia di Uzbekistan berjumlah kira-kira US\$350 juta, terutamanya oleh syarikat gergasi petroleum, Petronas.

Menjelaskan lebih lanjut, Abdul Aziz berkata Uzbekistan perlu mengimport barangan seperti sarung tangan pembedahan serta minyak sawit. Ini sebahagiannya disebabkan oleh semakin merosotnya pengeluaran minyak masak yang diperbuat daripada bunga matahari di negara ini.

Abdul Aziz yang bertugas di Tashkent sejak 2008 itu, berkata minyak sawit Malaysia mempunyai banyak potensi seperti yang dapat dilihat daripada jumlah eksport sebanyak kira-kira lima tan metrik setahun beberapa tahun lepas yang kini telah melonjak kepada 45,000 tan metrik sekarang.

Lawatan Muhyiddin ke sini turut menyaksikan satu mesyuarat meja bulat diadakan dengan pemimpin industri Uzbekistan yang memberikan tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan perniagaan serta hubungan perdagangan dan pelaburan selanjutnya antara kedua-dua negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1035566>